

**NO. SOALAN: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING**

**TARIKH : 23 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9663**

**SOALAN :**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian akan bersetuju bahawa salah satunya penyelesaian masalah Pendatang Tanpa Izin yang telah menjadi warga Sabah melalui Projek IC adalah melalui penurunan (*devolution/decentralization*) kuasa kepada Kerajaan Sabah untuk menarik balik MyKad yang ada di Sabah dan melaksanakan pendaftaran balik dengan mengeluarkan kad pengenalan khas untuk rakyat Sabah.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan cadangan penurunan (*devolution/decentralization*) kuasa kepada Kerajaan Sabah untuk pendaftaran semula dan pengeluaran Kad Pengenalan Khas kepada rakyat Sabah, Kerajaan mengambil maklum bahawa cadangan tersebut perlu ditangani secara berhemah kerana adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan juga untuk memastikan bahawa apa jua pelaksanaan cadangan tidak akan menggugat keselamatan, ketenteraman awam, kelangsungan dan kesejahteraan rakyat Sabah serta keluhuran perundangan.**